

Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- 1) Rumah setingan itu **dirobohkan** (_____) oleh pihak berkuasa semalam.
- 2) Air terpancut keluar dari **pili** (_____) yang bocor itu.
- 3) Atap rumah kami yang **bocor** (_____) itu telah diganti oleh ayah.
- 4) Ramai kanak-kanak bermain **kikik** (_____) di kawasan lapang itu.
- 5) Encik Abdullah sekeluarga akan **berhijrah** (_____) ke Kuala Belait pada bulan hadapan.
- 6) Rambutnya **dipotong** (_____) pendek supaya kelihatan lebih kemas.
- 7) Anggota **mata-mata** (_____) berkhidmat untuk negara.
- 8) Hutang-hutang di kedai itu sudah **dilangsaikannya** (_____) semalam
- 9) Bunga mawar yang ditanam oleh emaknya di taman itu sedang **mekar** (_____).
- 10) Menjaga harta-benda kerajaan adalah sangat **mustahak** (_____) bagi kegunaan orang ramai.

- 11) "Tolong **selidik** (_____) punca kejadian itu," kata ketua polis kepada pegawai itu.
- 12) Doktor Ameerah **bekerja** (_____) di salah sebuah klinik di Pekan Seria.
- 13) Penjual ikan itu telah mendapat **untung** (_____) yang lumayan hasil daripada jualan ikannya.
- 14) Emak menutup semua **tingkap** (_____) sebelum masuk tidur.
- 15) Gambar perkahwinan mereka **disangkut** (_____) pada dinding rumah.
- 16) Di tepi Pantai Tungku banyak pokok **nyiur** (_____) yang tumbuh.
- 17) Mulhim **mengusir** (_____) anjing yang cuba menyelongkar tong sampah yang berada di hadapan rumahnya.
- 18) Ibu selalu mengingatkan saya supaya tidak **berbohong** (_____)